

Salik dan Majdhub dari Perspektif Ilmu Tasawuf

Abdul Manam Mohamad

ABSTRACT

Salik in the term used by Sufiyyah to refer to certain meanings. There are two types of salik, general salik and specific salik. General salik refers to a Muslim who practices the Islamic teaching, while specific salik refers to a Muslim who uses the sufi way to get closer to Allah and to obtain makrifah through riyadah and mujahadah and later on through maqamat and spiritual experience. Majdhub refers to a Muslim who gets makrifah without going through riyadah and mujahadah but solely receiving the blessing from Allah. The existence of these two types of Muslim is acknowledged in tasawuf.

Pendahuluan

Terdapat banyak istilah yang digunakan oleh para ulama tasawuf dalam karya-karya mereka bagi menjelaskan maksud tertentu. Antara istilah-istilah itu ada yang tidak difahami dengan betul oleh pembaca sebagaimana kehendak pengarang atau disalahfahami oleh mereka, lalu membuat tuduhan yang melulu terhadap ilmu tasawuf. Antara istilah tersebut ialah istilah *salik* dan *majdhub*. Tulisan ini akan menjelaskan secara lebih terperinci mengenai istilah *salik* dan *majdhub* ini dengan merujuk kepada keterangan dan juga pendapat para ulama tasawuf tentang perkara ini dalam karya-karya mereka.

Konsep *Salik*

Perkataan *salik* dari sudut bahasa mengandung makna memasuki, melalui, memasukkan, tersusun dan menyediakan atau menjadikan (Ibrahim Unais, t.th: 445). Dari sudut istilah tasawuf pula, perkataan *salik* ini menunjukkan kepada satu pengertian yang lebih khusus iaitu orang yang menjalani jalan maknawi. *Salik* dengan pengertian khusus ini pula terbahagi kepada dua iaitu *salik* umum dan *salik* khusus.

Salik Umum

Salik umum bermaksud mukmin (orang yang beriman) yang menjalani jalan agama dengan melaksanakan apa yang disuruh oleh Allah dan meninggalkan apa yang dilarang untuk mencapai keredaan-Nya dan seterusnya mendapat ganjaran di akhirat. Setiap mukmin itu sama ada disadari atau tidak, sebenarnya sedang berjalan pada jalan agama Allah secara maknawi menuju kepada keredaan-Nya. Pada dasarnya, jalan agama Allah itu satu sahaja iaitu Islam seperti yang dinyatakan oleh Allah dalam firman-Nya:

وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ

Maksudnya:

Dan (katakanlah wahai Muhammad) sesungguhnya ini (Islam) adalah jalanku, jalan yang lurus, maka hendaklah kamu mengikutinya dan janganlah kamu mengikuti jalan-jalan yang lain (agama-agama lain).....

(al-An'am: 153)

Namun realitinya, terdapat perbezaan pada corak perjalanan di antara seorang mukmin dengan seorang mukmin yang lain dalam menjalani jalan agama Allah yang luas ini. Ini telah diisyaratkan oleh Allah dalam firman-Nya:

قُلْ كُلٌّ يَعْمَلُ عَلَى شَاكِلَتِهِ

Maksudnya:

Katakanlah (wahai Muhammad), setiap orang adalah beramal menurut jalan (*shakilah*) masing-masing.

(al-Isra': 84)

Perkataan *shakilah* dalam ayat ini menurut al-Alusi dalam karya tafsir beliau, *Ruh al-Ma'ani* bermaksud *tariqah* atau *madhhab* yang bererti jalan atau aliran (al-Alusi, t.th.: Juz. 15, 149-150). Pendapat yang sama juga telah dikemukakan oleh al-Barusawi dalam karya tafsir beliau. *Ruh al-Bayan*, di mana beliau menyatakan bahawa perkataan *shakilah* ini bermaksud *tariqah* yang bererti jalan atau aliran (al-Barusawi, t.th.: Jil. 5, Juz. 15, 199). Oleh itu, ayat ini menjelaskan bahawa setiap orang beramal menurut jalan masing-masing atau menjalani jalan yang tersendiri sesuai dengan keadaan dan kecenderungan dirinya. Berdasarkan kepada perkara inilah sebahagian ulama tasawuf menyebut bahawa banyaknya jalan menuju kepada mengenal Allah dan mencapai keredaan-Nya adalah seumpama bilangan nafas makhluk.

Salik Khusus

Salik khusus bermaksud orang yang menjalani jalan kerohanian secara khusus dalam usaha membersihkan dan mendekatkan diri kepada Allah menerusi

peningkatan pada *maqamat* dan merasai berbagai *ahwal* dalam perjalanan kerohaniannya itu. Penjelasan mengenai *salik* khusus ini dapat dilihat dengan lebih jelas dan terperinci lagi pada huraian yang telah diberikan oleh para ulama tasawuf dalam karya-karya mereka, antaranya ialah al-Jurjani dalam karya beliau *at-Ta'rifat*. Mengenai istilah *salik* ini, al-Jurjani mendefinisikannya sebagai orang yang berjalan menempuh dan merentasi *maqamat* menerusi pengalaman kerohanian (hal) bukannya menerusi ilmu (yang *zahir*) dan *tasawur* (gambaran, bayangan atau khayalan akal) apabila ilmu pengetahuan yang diperolehi adalah secara penglihatan matahati ('ain) yang berupaya menolak kedatangan keraguan yang boleh menyesatkan (al-Jurjani, 1983: 116).

Definisi yang diberikan oleh al-Jurjani ini hampir sama dengan definisi yang diberikan oleh Sheikh Muhy ad-Din ibn Arabi dalam karya beliau, Kitab *Istilah al-Sufiyyah*. Menurut beliau, *salik* ialah orang yang berjalan merentasi *maqamat* menerusi pengalaman kerohanian (hal) bukan menerusi ilmu (yang *zahir*) dan ilmu makrifah yang diperolehi adalah secara penglihatan matahati ('ain) (Ibn Arabi, 1983: 2).

Walaupun bagaimanapun, Ibn Arabi didapati memberikan keterangan yang lebih jelas dan terperinci lagi tentang *salik* ini dengan cara menghubungkannya dengan *suluk*. Mengenai *suluk* beliau menjelaskan bahawa ia adalah perpindahan maknawi daripada satu peringkat ibadah (perhambaan diri kepada Allah) ke satu peringkat ibadah yang lain dan perpindahan amalan *zahir* dari satu amalan yang disyariatkan ke satu amalan lain untuk mendekatkan diri kepada Allah dengan melakukan (apa yang diperintahkan) dan meninggalkan (apa yang dilarang) dan perpindahan pengetahuan daripada satu *maqam* ke satu *maqam* yang lain, daripada satu nama (Allah) ke satu nama yang lain, daripada satu *tajalli* ke satu *tajalli* yang lain dan daripada satu peringkat *nafsu* ke satu peringkat *nafsu* yang lain, dan orang yang berpindah itu ialah *salik* (Ibn Arabi, t.th.: Jil. 2, 380-381).

Daripada keterangan Ibn Arabi ini jelas menunjukkan bahawa *salik* khusus ialah orang yang menjalani jalan agama Allah secara khusus. *Salik* bukan sahaja menjalani jalan agama yang bersifat *zahir* tetapi juga menjalani jalan agama yang bersifat *batin* iaitu mengalami perubahan, perpindahan dan peningkatan daripada satu *maqam* ke satu *maqam* yang lebih tinggi pada amalan *zahir* dan *ahwal* *batin*. Seluruh perjalanan *salik* tersebut dinamakan *suluk*.

Sheikh Muhammad Nafis al-Banjari juga tidak ketinggalan dalam memberikan definisi *salik* ini. *Salik* menurut beliau ialah orang yang bersungguh-sungguh bermujahadah berbuat ibadah kepada Allah dengan melakukan riadah (latihan kejiwaan) dan mujahadah (menentang kemahuan *nafsu*) serta mengamalkan wirid yang diijazahkan atau diajarkan kepadanya oleh sheikhnya tanpa mencacatkan atau mengurangi serta menyalahi apa yang disuruh oleh sheikhnya itu sama ada ia berbentuk ibadah atau lainnya (al-Banjari, t.th.: 8).

Jika dibandingkan pandangan al-Banjari ini dengan pandangan Ibn Arabi, ternyata ia mempunyai ciri persamaan iaitu kedua-duanya menjelaskan bahawa perjalanan *salik* khusus itu merangkumi perjalanan zahir dan batin. Walau bagaimanapun, pandangan al-Banjari kelihatan lebih jelas sedikit berbanding pandangan Ibn Arabi apabila beliau menyebut tentang kepimpinan sheikh terhadap *salik* iaitu *salik* khusus ialah orang mukmin yang dipimpin oleh sheikh murshid dalam perjalanannya menuju kepada Allah, zahir dan batin.

Melihat kepada penjelasan Imam al-Ghazali pula, ternyata beliau tidak memberikan definisi *salik* secara langsung. Walau bagaimanapun, beliau ada membayangkan maksud *salik* ketika beliau menjelaskan tentang konsep *suluk*. Menurut beliau, *suluk* itu ialah mendidik perangai (akhlak), amalan dan makrifah (al-Ghazali, t.th: 16). Oleh kerana *salik* ialah orang yang menempuh atau menjalani *suluk* maka boleh dikatakan *salik* pada pandangan al-Ghazali ialah orang yang mendidik atau memperbaiki akhlak, amalan dan juga makrifah.

Oleh kerana *salik* ialah orang yang menjalani *suluk* sebagaimana yang telah dinyatakan, maka boleh dikatakan *salik* menurut Imam Ahmad al-Ghazali ialah orang yang berusaha membebaskan diri daripada adat kebiasaan, menghentikan akal daripada fungsi-fungsinya (*idrakat*), menghapuskan kelazatan yang dirasakan oleh roh, sentiasa menumpukan perhatian (*tawajjuh*) kepada Allah, menempuh *maqamat* dan seterusnya meningkat ke martabat-martabat isyarat iaitu martabat *malakut* (martabat *af'al* atau perbuatan Allah), *jabarut* (martabat sifat Allah) dan *lahut* (martabat zat Allah).

Daripada penjelasan kedua-dua tokoh tasawuf ini iaitu al-Ghazali dan adik kandung beliau iaitu Ahmad al-Ghazali, jelas menunjukkan bahawa kedua-duanya lebih menekankan atau memberikan tumpuan kepada aspek pembersihan diri (*tahdhib/tazkiyah an-nafs*) yang mana dengan melakukan *tazkiyah an-nafs* tersebut, seseorang itu akan mencapai peningkatan zahir dan batin.

Daripada definisi-definisi yang telah diterangkan dapat dibuat beberapa kesimpulan iaitu:

Pertama, *salik* khusus memerlukan pimpinan, pengajaran (*ta'lim*), didikan atau asuhan (*tarbiyah*) serta peningkatan kerohanian (*tarqiyah*) daripada sheikh murshid.

Kedua, *salik* khusus dikehendaki melakukan mujahadah (perjuangan kemahuan hawa nafsu), riadah (latihan kerohanian), *zikrullah* dan *muraqabah* (menumpukan seluruh perhatian kepada Allah).

Ketiga, *salik* akan mengalami peningkatan kerohanian daripada satu tahap ke satu tahap yang lebih tinggi, daripada satu *maqam* ke satu *maqam* yang lebih tinggi dan daripada satu hal ke satu hal yang lebih tinggi.

Keempat, *salik* khusus mempunyai matlamat tertentu iaitu mencapai makrifatullah secara penglihatan matahati (*basirah*), rasa rohani dan dapatan batin (*dhawq* dan *wujdan*).

Berdasarkan fakta yang telah dijelaskan juga, dapat dibuat kesimpulan bahawa terdapat perbezaan yang jelas di antara *salik* umum dengan *salik* khusus iaitu:

Pertama, *salik* umum tidak memerlukan pimpinan sheikh murshid yang berperanan mendidik dan meningkatkan kerohanian dirinya manakala *salik* khusus memerlukan pimpinan sheikh murshid tersebut dalam meningkatkan kerohanian dirinya.

Kedua, *salik* umum tidak terikat dengan berbagai *maqamat* dan *ahwal* kerohanian manakala *salik* khusus sangat terikat dengan *maqamat* dan *ahwal* tersebut.

Ketiga, perjalanan kerohanian *salik* khusus ternyata lebih jelas, sistematis, terarah dan terpimpin dalam usaha mencapai matlamat perjalanannya iaitu menjadi seorang sufi (orang yang bersih zahir dan batin) atau seorang *wasil* (orang yang sampai kepada hakikat Allah), berbanding *salik* umum.

Keempat, *salik* khusus berasal dari *salik* umum tetapi *salik* umum tidak akan menjadi *salik* khusus selagi dia tidak menjalani latihan kerohanian di bawah bimbingan dan pimpinan sheikh murshid yang memimpin perjalanan zahir dan batinnya.

Beberapa Istilah Lain yang Sama Maksud dengan *Salik*

Penelitian terhadap karya-karya dan juga risalah-risalah yang ditulis oleh para ulama tasawwuf, mendapati bahawa mereka ada menggunakan beberapa perkataan atau istilah lain yang serupa atau hampir sama maksudnya, dengan istilah *salik*. Perkataan tersebut ialah *murid*, *talib*, *qasid*, *sa'ir*, *musafir*, *muhajir* dan *mujahid*.

Murid bermaksud orang yang mempunyai kemahuan (*iradah*). *Iradah*, menurut Imam al-Qushairi bermaksud kebangkitan atau kesedaran hati kuat ke arah mencari atau menuntut *al-Haq* (Allah) s.w.t. (al-Qushairi, t.th: 202). Oleh itu, *murid* ialah orang yang mempunyai kemahuan atau mendapat kesedaran hati yang kuat untuk mencari keredaan Allah dan mencapai makrifat terhadap-Nya.

Talib bermaksud orang bersungguh-sungguh menuntut atau mencari Allah iaitu berusaha mencapai makrifat terhadap-Nya.

Qasid bermaksud orang yang mempunyai qasad iaitu kemahuan dan niat yang benar yang diikuti dengan usaha yang gigih ke arah mencapai niat atau kemahuannya itu iaitu mendapat makrifatullah (al-Hafni, t.th.: 207).

Sa'ir bermaksud orang yang berjalan rohaninya menuju kepada Allah dengan meninggalkan, membuang atau melupakan makhluk iaitu sesuatu yang lain daripada Allah (al-Hafni, t.th.: 136).

Musafir bermaksud orang yang mengembara dengan fikirannya dalam melintasi atau menyeberangi ruangan *ma'qulat* (perkara-perkara yang tergambar dalam fikiran) dan *i'tibarat* (perkara-perkara maknawi yang hanya dapat difahami) di mana dia meningkat daripada kedudukan yang paling rendah (makhluk) menuju kepada kedudukan yang paling tinggi (penciptanya) (al-Hafni, t.th.: 242).

Muhajir bermaksud orang yang melakukan hijrah. Hijrah yang dimaksudkan di sini ialah hijrah *kubra* (hijrah rohani atau batin) dengan meninggalkan sifat atau kebiasaan nafsu (*awaid/ma'lufat*) yang keji (Ibn Ajibah, 1983: 452).

Manakala *mujahid* pula bermaksud orang yang melakukan jihad atau mujahadah. Jihad yang dimaksudkan di sini ialah *jihad akbar* iaitu perjuangan menentang kemahuan hawa nafsu (yang bersifat kebendaan) bagi melepaskan atau membebaskan rohaninya daripada belenggu syahwat dan kemahuannya itu (Ibn Ajibah, 1983: 452).

Berdasarkan keterangan seperti yang telah dinyatakan, istilah-istilah tersebut ternyata menjelaskan tentang orang yang menjalani jalan kerohanian iaitu *salik*, cuma ia menyentuh sudut-sudut yang berbeza. Perkataan *murid* menjelaskan tentang *salik* dari sudut kemahuannya yang kuat untuk menempuh jalan Allah yang penuh dengan halangan-halangan di mana tanpa kemahuan ini seseorang *salik* tidak akan mampu menghadapinya. Perkataan *talib* pula menjelaskan tentang *salik* dari sudut tuntutan atau pencariannya iaitu untuk mencapai makrifatullah dan juga kesungguhan dalam pencarian tersebut. Tanpa kesungguhan seseorang itu tidak akan dapat melalui atau menempuh jalan yang boleh menyampaikan kepada tuntutan tersebut. Perkataan *qasid* pula menjelaskan tentang *salik* dari sudut tujuan dan niat yang benar yang disertai dengan usaha yang gigih bagi mencapai hasrat, di mana tanpa niat yang benar dan usaha yang gigih, dia tidak akan mampu meneruskan perjalanan itu.

Perkataan *sa'ir* dan *musafir* pula menjelaskan tentang *salik* dari sudut perjalanan rohani menuju kepada Allah dengan melintasi dan meningkat daripada tingkatan yang paling rendah iaitu makhluk menuju kepada tingkatan yang paling tinggi iaitu martabat ketuhanan. Perkataan *muhajir* pula menjelaskan

tentang *salik* dari sudut penghijrahan, perpindahan atau perubahan yang berlaku iaitu daripada sifat yang hina kepada sifat yang lebih mulia dan sebagainya. Dengan melakukan penghijrahan, dia akan mencapai kebersihan diri (*safa'*) dan seterusnya menerima kurniaan makrifah daripada Allah secara *mushahadah* atau penglihatan matahati. Perkataan *mujahid* pula menjelaskan tentang *salik* dari sudut perjuangan menentang kemahuan hawa nafsu bagi membebaskan diri daripada ikatan sifat-sifat *bashariyyah* yang keji yang menjadi hijab bagi rohani *salik*. Tanpa menghapuskan hijab ini, *salik* tidak akan mencapai makrifah secara *mushahadah*.

Konsep *Majdhub*

Dalam hubungan dengan istilah *salik*, ulama tasawuf juga ada menggunakan satu istilah lain yang mempunyai kaitan rapat dengannya iaitu *majdhub*. Perkataan *majdhub* berasal daripada kata kerja *jadhba* yang daripada segi bahasa menunjukkan kepada beberapa pengertian antaranya menghulurkan, menukar tempat, menghirup, menghentikan penyusuan dan sebagainya (Ibrahim Unais, t.th.: 132).

Majdhub menurut istilah tasawuf pula bermaksud orang mukmin yang terus dikurniakan *jadhba* oleh Allah walaupun mukmin tersebut tidak menjalani *suluk* dan tidak melakukan mujahadah dan riadah seperti yang terdapat dalam amalan tasawuf. Untuk melihat dengan lebih jelas lagi pengertian *majdhub* pada istilah tasawuf, maka perlu diteliti pandangan beberapa orang tokoh ulama tasawuf tentang perkara ini. Antara ulama yang memberikan penjelasan tentang *majdhub* ialah Sheikh at-Tahanuwi.

At-Tahanuwi didapati tidak memberikan definisi *majdhub* secara langsung namun beliau ada membayangkan tentang makna *majdhub* ketika beliau menjelaskan tentang konsep *jadhba*. Menurut beliau *jadhba* itu ialah tarikan Allah (secara mengejut) akan hamba ke hadrat-Nya (at-Tahanuwi, 1963: jil. 2; 268). Oleh kerana *majdhub* itu ialah orang yang mendapat *jadhba* maka boleh dikatakan *majdhub* menurut beliau ialah orang yang ditarik pandangan atau penyaksian rohaninya oleh Allah kepada memandang hadrat-Nya iaitu sama ada hadrat *af'al*, *asma'* sifat atau zat.

Begitu juga Sheikh Ibn Ajibah, beliau tidak memberikan definisi *majdhub* ini secara langsung, sebaliknya beliau hanya menjelaskan tentang *jadhba* yang menurut beliau ialah tertariknya roh secara mengejut daripada menyaksikan makhluk kepada menyaksikan pencipta makhluk (Ibn Ajibah, 1983: 426). Oleh kerana *majdhub* itu ialah orang yang mendapat *jadhba* maka boleh dikatakan *majdhub* pada pandangan beliau ialah orang yang ditarik pandangan dan tumpuan rohnya secara mengejut atau tiba-tiba daripada menyaksikan makhluk kepada menyaksikan penciptanya. Apabila dibandingkan pendapat at-Tahanuwi dengan pendapat Ibn Ajibah, ternyata ianya hampir sama sahaja di mana

kedua-dua tokoh ini menjelaskan tentang *majdhub* daripada sudut mendapat kurniaan *jadhbah* dan makrifah daripada Allah secara kejutan atau tiba-tiba sahaja.

Selain daripada at-Tahanuwi dan Ibn Ajibah, Sheikh Muhammad Nafis al-Banjari adalah antara tokoh tasawuf yang juga ada menjelaskan tentang *majdhub*. Menurut beliau, *majdhub* ialah orang yang diambil (ditarik) oleh Allah dengan terkejut (tiba-tiba) serta diberi pengetahuan mengenal zat Allah, sifat-Nya, asma'-Nya dan perbuatan-Nya tanpa mengerjakan ibadah (secara mujahadah), tanpa talqin (pengajaran) dari gurunya (sheikh) dan tanpa ijazah (kebenaran atau keizinan) dari sheikh (al-Banjari, t.th.: 8). Dari keterangan al-Banjari ini jelas menunjukkan bahawa *majdhub* itu ialah orang yang dikurniakan *jadhbah* dan makrifah oleh Allah tanpa melakukan mujahadah dan tanpa pengajaran serta pimpinan daripada seorang sheikh.

Antara tokoh lain yang memberikan penjelasan tentang *majdhub* ini ialah Imam al-Sahrawardi. Menurut beliau, *majdhub* itu ialah orang yang Allah kejutkannya dengan tanda-tanda keyakinan dan Dia (Allah) mengangkat daripada hatinya hijab (yang menutupi hatinya) sedangkan dia tidak dilalukan menerusi jalan mu'amalah (mujahadah) (al-Sahrawardi, 1983: 88).

Apabila dibandingkan pendapat al-Sahrawardi dan al-Banjari dengan pendapat at-Tahanuwi dan Ibn Ajibah, ternyata pendapat mereka hampir serupa sahaja. Walau bagaimanapun, pandangan al-Sahrawardi dan al-Banjari lebih jelas kerana kedua-duanya ada menyebut tentang kurniaan *jadhbah* tanpa melalui mujahadah dan juga tanpa pengajaran serta pimpinan sheikh.

Berdasarkan definisi-definisi yang telah dinyatakan, boleh dibuat kesimpulan bahawa *majdhub* itu ialah orang yang dipilih oleh Allah dengan mengurniakan kepadanya *jadhbah* dan makrifah secara tiba-tiba sahaja tanpa melakukan riadah, mujahadah dan zikrullah secara konsisten dan sistematik dan juga tanpa mendapat *ta'lim*, *tarbiyah* dan *tarqiyah* daripada sheikh. Allah telah mengisytarkan tentang *majdhub* ini dalam al-Quran sebagaimana firman-Nya:

وَاللَّهُ يَخْتَصُّ بِرَحْمَتِهِ مَن يَشَاءُ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ
الْعَظِيمِ ١٠٥

Maksudnya:

Dan Allah mengkhususkan rahmat-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allahlah yang memiliki kurniaan yang besar.

(al-Baqarah: 105)

Kewujudan golongan *majdhub* di kalangan orang mukmin diakui kebenarannya, namun bilangan mereka tidak ramai. Ulama tasawuf menjelaskan bahawa

golongan *majdhub* jarang ditemui seperti juga jarang ditemui orang yang menjadi kaya disebabkan mendapat harta karun. Orang kaya kerana dapat harta karun memang ada tetapi tidak ramai bilangan mereka. Menurut perkaedahan ilmu tasawuf dan tarekat, hakikat dan makrifah yang diperolehi secara *laduni* (tanpa belajar) oleh golongan *majdhub* ini, hanyalah untuk diri mereka sahaja dan mereka tidak sesuai mengajarkannya kepada orang lain.

Kesimpulan

Daripada penjelasan yang telah diberikan, dapat dibuat kesimpulan bahawa istilah *salik* seperti yang digunakan oleh para ulama tasawuf adalah merujuk kepada pengertian perjalanan kerohanian seseorang menuju kepada Allah. Ia bukan bermaksud perjalanan fizikal yang terikat dengan masa dan tempat seperti yang dapat difahami dari pengertian bahasanya. Ia adalah perjalanan maknawi menempuh *maqamat* dan *ahwal* menuju kepada makrifatullah. Dengan kata lain, ia merupakan proses peningkatan tahap kebersihan jiwa dalam usaha pembersihan diri (*tazkiyat an-nafs*) untuk mencapai *qurbah* (kedekatan) dengan Allah serta mendapat keredaan-Nya. Perjalanan maknawi ini tidak boleh dinafikan kewujudannya kerana ia boleh dirujuk kepada dalil-dalil al-Quran dan hadith di samping ia telah diperkatakan oleh tokoh-tokoh ulama tasawuf yang diakui keahliannya dalam bidang tersebut.

Manakala istilah *majdhub* pula seperti yang diguna pakai oleh para ulama tasawuf adalah merujuk kepada pengertian orang yang mendapat kurniaan makrifah tanpa usaha yang bersungguh-sungguh dengan melakukan mujahadah dan riadah kerohanian yang khusus seperti yang dianjurkan oleh ulama tasawuf. Golongan *majdhub* mendapat semua itu semata-mata kurniaan dan pilihan khusus daripada Allah s.w.t. dan realitinya kewujudan golongan seperti ini tidak ramai.

Kewujudan golongan *salik* dan *majdhub* seperti yang diperkatakan oleh ulama tasawuf dapat ditemui isyaratnya dalam banyak ayat al-Quran, antaranya ialah firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

اللَّهُ يَجْتَبِي إِلَيْهِ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي إِلَيْهِ مَنْ يُنِيبُ ﴿١٣﴾

Maksudnya:

Dan Allah memilih (ijtiba') ke jalan-Nya sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Dia memberi hidayat ke jalan-Nya akan orang yang kembali (kepada-Nya).

(al-Syura: 13)

Allah memilih ke jalan-Nya sesiapa yang Dia kehendaki adalah mengisyaratkan kepada golongan *majdhub*, manakala Dia memberi hidayat ke jalan-Nya akan orang yang kembali kepada-Nya adalah mengisyaratkan kepada golongan *salik*.

Rujukan

Al-Alusi, Mahmud, t.th. *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Quran al-Azim*, Beirut: Dar al Fikr.

Al-Banjari, Muhammad Nafis, t.th. *al-Durr an-Nafis*, Pulau Pinang: Maktabah wa Matba'ah al-Ma'arif.

Al-Barusawi, Isma'il Haqqi, t.th. *Tafsir Ruh al-Bayan*, Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Hafni, Abd al-Mun'im, t.th. *Mu'jam Mustalahat al-Sufiyyah*, Beirut: Dar al-Masirah.

Al-Ghazali, Ahmad ibn Muhammad, 1988, *Sirr al-Asrar fi Kashf al-Anwar* (Eds.) Abd al-Hamid Salih Hamdan, Qahirah: Dar al-Misriyyah al-Lubnaniyyah.

Al-Ghazali, Muhammad ibn Muhammad ibn Muhammad, t.th. *Rawdah at-Talibin wa Umdah al-Salikin*, (dalam *Majmu'ah Rasail al-Imam al-Ghazali*), Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Hakim, Su'ad, (t.th.). *al-Mu'jam al-Sufi*, Dandrah: t.p.

Ibn Ajibah Ahmad ibn Muhammad, 1983, *Iqaz al-Himam*, Qahirah: Sharikah Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladihi.

Ibn Arabi, Muhy ad-Din Muhammad ibn Ali, t.th. *al-Futuh al-Makkiyyah*, Bayrut: Dar al-Sadir.

Ibn Arabi, Muhy ad-Din, Muhammad ibn Ali, 1983/1367, *Kitab Istilah al-Sufiyyah* (dalam *Rasa'il Ibn Arabi*), T.tp: Matba'ah Jami'iyyah Dairah al-Ma'arif al-Uthmaniyyah.

Al-Jurjani, Ali ibn Muhammad, 1983, *at-Ta'rifat*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Muslim, Muslim ibn al-Hajjaj, t.th. *Sahih Muslim*, Qahirah: Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah.

Al-Qushairi, Abd al-Karim, t.th. *al-Risalah al-Qushairiyyah* (Eds.) Ma'ruf Zariq dan Ali Abd al-Hamid. Beirut: Dar al-Jail.

Al-Sahrawardi, Abd al-Qahir ibn Abdillah, 1983, *Awarif al-Ma'arif*, Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.

At-Tahanuwi, Muhammad Ali al-Faruqi, 1963, *Kashf Istilahat al-Funun*, (Eds.) Dr. Lutfi Abd al-Badi', dan Dr. Abd an-Na'im Muhammad Hussein, Qahirah: al-Muassasah al-Misriyyah al-Ammah li al-Ta'lif wa al-Tarjumah wa at-Tab'ah wal an-Nashr.

Unais, Ibrahim, Muntasir, Abd al-Halim, al-Sawalihi, Atiyyah dan Ahmad, Muhammad Khalafullah, t.th. *al-Mu'jam al-Wasit*. t.p.

ABDUL MANAM MOHAMAD, Ph.D.
Jabatan Usuluddin
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Darul Iman Malaysia
Kampus KUSZA, Gong Badak
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.
Emel: abdulmanam@udm.edu.my.